

04 DEC 1998

PM RASMI PUSAT LATIHAN PELADANG DI LANGKAWI AHAD INI

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Pusat Latihan Peladang di Langkawi Ahad ini, kata Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kedah Shahizan Hassan hari ini.

Katanya, pusat berharga RM8 juta itu yang mengandungi 109 bilik penginapan, dewan yang boleh menampung 260 orang, lima buah bilik mesyuarat dan kantin.

Katanya, Pusat Latihan Peladang yang objektif utamanya melatih peladang jaya kini terdapat di Johor Baharu, Sungai Petani, Rompin dan Machang tetapi di Langkawi adalah yang terbesar.

Beliau berkata, pusat itu akan turut dimanfaatkan bagi memenuhi permintaan industri pelancongan di pulau peranginan ini selain kegunaan para peladang dan kakitangan LPP.

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) juga akan mengadakan mesyuarat agongnya di pusat itu sempena majlis perasmian itu, katanya.

-- BERNAMA

ZI RHM